

04 JUL 2002

Mahathir-Menteri

MENTERI-MENTERI BESAR MESTI PANTAU PELAKSANAAN KEPUTUSAN

PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata Menteri-menteri Besar perlu memantau pelaksanaan segala keputusan dan bukan hanya membuat keputusan dan memberi arahan kepada pegawai.

"Kita nak amalan Kerajaan Pusat dicontohi iaitu menteri mestilah bekerja secara "hands on" iaitu tidak sahaja membuat keputusan dan memberi arahan kepada pegawai tetapi perlu memantau pelaksanaan segala keputusan yang dibuat di peringkat Exco misalnya," katanya kepada pemberita hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di sini.

Menurut Dr Mahathir mesyuarat itu diadakan bertujuan menyampaikan keputusan yang dibuat oleh Kabinet iaitu yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan Negeri kerana kadangkala amalan Kerajaan Negeri didapati bercanggah dengan Kerajaan Pusat.

"Umpamanya, baru-baru ini timbul soal hypermarket yang terlalu banyak, kadang-kadang kita tidak benarkannya dalam Wilayah (Persekutuan), dibenarkan di Selangor," katanya.

Dr Mahathir, perkara sedemikian akan menyebabkan timbulnya masalah.

Kerajaan Negeri tidak seharusnya menambah syarat-syarat pelabur yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Menurut beliau lagi semua pihak perlu bekerja dengan lebih kuat kerana negara sedang menghadapi persaingan yang hebat daripada negara jiran dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Dan kita perlu tingkatkan keupayaan pengurusan termasuk berkenaan dengan segala perjanjian termasuk kontrak yang mana kita dapati apabila perjanjian dibuat syaratnya tidak mencukupi," katanya.

Misalannya, kata beliau, jika terjadi sesuatu perkara yang menyebabkan perjanjian perlu ditamatkan dan peruntukan untuk menamatkan perjanjian tidak mencukupi, akan timbul masalah untuk menamatkan perjanjian itu.

Mesyuarat hari ini antara lain membincangkan mengenai alam sekitar dan pengindahan negara.

-- BERNAMA

MUN AZZ PR